

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Sunday, January 3, 2016 8:45 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Azhar B Anis Mohammad; SITI ZULAIHA BINTI AHMAD
Subject: HEP ONLINE: 42 ORANG SERTAI LAWATAN ILMIAH KE R&R SUNGAI PERAK



“UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

3 JANUARI 2016, AHAD | 22 RABIULAWAL 1437H



PUSAT PENGINAPAN PELAJAR: Seramai tiga puluh dua (32) orang peserta dan sepuluh (10) orang pegawai dari SAC telah mengikuti satu lawatan ilmiah staf SAC bersama pengusaha kafeteria/medan selera UUM ke '*rest and service area*'(R&R) Sungai Perak, Perak.

Lawatan tersebut bertujuan memberi input kepada para pengusaha tentang cara-cara penjagaan dan kawalan kebersihan yang diamalkan dan menjadi platform kepada para pengusaha untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dalam bidang penyediaan makanan. Selain itu, pelbagai masalah yang dihadapi oleh para pengusaha telah diketengahkan kepada pihak pengurusan R&R Sungai Perak.

'Lawatan ini amat bermanfaat kerana dapat memberikan idea-idea baru kepada saya untuk menambahbaik mutu kerja saya di premis perniagaan saya' En. Syed Suphian salah seorang peserta lawatan.

Secara keseluruhannya, lawatan ini sedikit sebanyak telah memberi idea kepada pengusaha kafeteria dan medan selera untuk menambahbaik mutu perniagaan mereka yang berlaku dikalangan pengusaha kafeteria dan medan selera di UUM. Diharap penganjuran lawatan seperti ini dapat diadakan lagi bagi menambah input yang berkualiti untuk kebaikan pengusaha amnya dan UUM khususnya.

Habis.

Daripada

Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok, Kedah

Tel: 04 – 928 4011

Faks: 04 – 928 4016

Web: www.hep.uum.edu.my

Emel: hep@uum.edu.my

Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>

Blog: <http://hepuum.blogspot.com/>

